



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**14 Disember 2020  
28 Rabiulakhir 1442H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	• Tuai rezeki musim tengkujuh
Harian Metro	• Nelayan terkesan dilambung Covid-19 • Rantau Panjang kembali 'bernyawa'
Kosmo !	• Ternakan kelah Kampung Lepan Jaya • Kejayaan ternakan kelah di kampung banyak gua • Berpotensi untuk dikomersialkan seperti santuari
Sinar Harian	• Petani, penternak dan nelayan terjejas banjir akan diberi insentif • Pengusaha ternakan diarah tukar fungsi kolam
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysia Dateline	•
Bernama	•
See Hua Daily News (Kuching)	•
Guan Ming Daily	•
The Borneo Post	• AG Report : Tanjung Bako Fisheries Port unsuccessful in achieving targeted 29,661 tonnes of fish catches

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !	THE STAR	NANYANG SIANG PAU				
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF	NEGATIF	NEUTRAL		26	14/12/2020

# Iuai rezeki musim tengkujuh

BH M/S 26  
14/12/2020

Penoreh tak menang tangan layan pelanggan, jual ikan darat hingga 300kg sehari

Oleh Syaherah Mustafa  
bhnews@bh.com.my

**Pasir Mas:** Tidak dapat menoreh sepanjang musim tengkujuh bukan penghalang bagi Nazita Hamat untuk mencari rezeki dengan menjual "ikan darat" atau ikan air tawar hingga 300 kilogram (kg) sehari.

Nazita, 48, yang bermula menjual ikan berkenaan setiap kali musim tengkujuh sejak lebih 10 tahun lalu, sudah cukup dikenali dalam kawangan penduduk setempat sebagai tauke ikan darat, di Jalan Lubok Jong, di sini.

"Saya kepada lapan cahaya mata

itu turut dibantu isteri, Siti Noor Hanafi, 48, kerana tidak menang tangan melayan pelanggan yang setiap hari memenuhi gerainya untuk mendapatkan pelbagai jenis ikan darat.

"Saya membuka gerai bermula jam 10 pagi hingga 6 petang dengan menjual pelbagai jenis ikan darat termasuk baung, patin, popyu, tenggala, selat dan haruan yang diperoleh daripada pembekal yang juga penduduk kampung sekitar.

"Ikan darat dijual bermula RM10 hingga RM30 sekilogram bergantung jenis ikan, malah kami juga menawarkan khidmat menyiang ikan secara percuma memandangkan ramai pelanggan tidak tahu menyiang ikan ini kerana prosesnya agak rumit.

"Selain itu, saya menggunakan perniagaan menjual sambil menderma yang mana ada beberapa jenis ikan yang saya bagi percuma terutama spesies sukar didapati," katanya yang tinggal di Kampung Serongga, di sini.

Nazita berkata, dia mendapatkan bekalan ikan darat daripada



Nazita melayan pelanggan membeli ikan darat di gerainya di Jalan Lubok Jong, Pasir Mas.

(Foto Syaherah Mustara/BH)

**Saya membuka gerai bermula jam 10 pagi hingga 6 petang dengan menjual pelbagai jenis ikan darat.**

**Nazita Hamat,**

hampir 50 pembekal iaitu penduduk kampung yang memukat atau mencari ikan berkenaan untuknya setiap tahun.

"Menjual ikan darat ini adalah kerja hakiki saya setiap kali hujung tahun kerana hasilnya agak lunyan walaupun terpaksa menghindu bau hanyir," katanya.



Nazita dibantu isterinya, Siti Noor menyiang ikan.

JENIS AKHBAR					MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	✓ NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF	NEGATIF	NEUTRAL		8	14/12/2020

8

[www.hmetro.com.my](http://www.hmetro.com.my) @hmetromy HarianMetro @hmetromy

Isnin 14.12.2020 | Harian Metro

## lokal



Oleh Muhamad Hafis  
Nawawi  
mhafis@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Walaupun masih boleh turun ke laut seperti biasa untuk mencari rezeki, tetapi pandemik Covid-19 sedikit sebanyak menyebabkan nelayan terpaksa mengambil tempoh agak lama berbanding sebelum ini untuk menjual hasil ikan.

Nelayan, Puteh Awang, 66, berkata rutin harinya masih sama seperti sebelum Covid-19 melanda negara apabila akan turun ke laut selepas Subuh dan pulang ke Pelantar Nelayan Kubang Rotan, Kedah sekitar jam 11 pagi.

Menurutnya, sebelum ini ketika Perintah

# Nelayan terkesan dilambung Covid-19

Bantuan sara hidup RM250 setiap bulan jadi penyelamat bagi golongan terus berdepan masalah anjur jual hasil tangkapan

Kawalan Pergerakan (PKP) dia hanya duduk di rumah kerana tidak dapat turun ke laut menangkap ikan.

"Ketika itu saya terpaksa berjimat-cermat dan menggunakan wang

simpanan, tetapi berasih baik kerana menerima wang sara hidup nelayan RM250 setiap bulan. "Wang itulah yang digunakan bagi membeli barang keperluan bagi kehidupan," katanya

kepada Harian Metro. Puteh berkata, pendapatannya berkurangan ketika daerah Kota Setar dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) apabila orang luar tidak dibenarkan masuk untuk membeli hasil tangkapan ikannya.

"Namun, sekarang saya sedikit bersyukur kerana

sudah dibenarkan turun ke laut selain orang luar sudah dapat datang ke pelantar ini untuk membeli ikan.

"Curnanya berbeza kerana hasil jualan seberat 20 kilogram memakan masa agak lama sekitar tiga hingga ke empat jam baru habis kerana perlu mematuhi SOP (prosedur operasi standard)," katanya.

Katanya, jika dahulu tiada had untuk orang datang ke pelantar ini, namun mereka perlu menghadirkan kedadangan dalam sesuatu masa ketika ini bagi mengelak berlaku kesesakan, sekali gus mematuhi penjaraan fizikal.

"Tambah sekarang ini musim tengkujuh memang hasil tangkapan akan berkurangan.

"Walaupun pendapatan tidak menentu sekarang, namun mujur ada bantuan daripada kerajaan kepada nelayan di mana wang bantuan setiap bulan ini lah digunakan untuk menampung kehidupan.

"Golongan nelayan juga terpaksa mengamalkan kehidupan norma baharu ini dan berharap negara ini akan bebas dari Covid-19 nanti," katanya.

GOLONGAN  
nelayan antara pulau terkesan akibat tambatan wabak Covid-19



JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !	THE STAR	NANYANG SIANG PAU				
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO	✓ NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF	NEGATIF	NEUTRAL		11	14/12/2020

Bernama

Pasir Mas

**S**elepas tiga minggu Rantau Panjang di sini yang sebelum ini sibuk dengan lubuk membelah seolah-olah menjadi pekan koboi sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) sejak 21 November lalu, kini pekan itu seakan-akan kembali 'bernyawa'.

Setelah pengumuman dibuat Menteri Kanan (Kluster Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob bahawa PKPB di daerah Kota Bharu, Machang, Tanah Merah dan Pasir Mas ditamatkan Jumaat lalu, banyak kenderaan bukan sahaja dari sekitar negeri ini, malah dari luar Kelantan dilihat mulai masuk ke pekan itu.

Malah, kebenaran rentas negeri dan daerah oleh kerajaan bermula 7 Disember lalu juga dilihat membantu merancakkan kembali ekonomi rakyat terutama peniaga yang terkesan berikutan penularan pandemik Covid-19 yang melanda di seluruh negara.

Tinjauan Bernama semalam mendapati pekan itu kembali meniti dengan kehadiran pengunjung setempat termasuk dari luar Kelantan sama ada untuk membelah mahupun menjamu selera, namun pengunjung dilihat kekal mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan seperti mengamalkan penjaraan fizikal.

Seorang peniaga makanan

# Rantau Panjang kembali 'bernyawa'

*Pekan mula dikunjungi orang ramai selepas PKPB ditamatkan*



Rezeki musim tengkujuh

SMN Noor Hanafi, 46, menunjukkan antara ikan darat yang dijualnya pada musim tengkujuh ketika ditemui pemberita di gerainya di jalan Pasir Mas-Rantau Panjang, Pasir Mas. Meskipun musim tengkujuh menyukarkannya untuk mencari rezeki sebagai penoreh getah, ia tetap diantarkan pulih sekar tanah kerana merasa tidak rezeki untuk menjana pendapatan sampingan dengan berniaga pada musim tengkujuh.

kekacang, Al Aswad Omar, 38, berkata, sejak berniaga hampir 20 tahun lalu di pekan Rantau Panjang, ini adalah kali pertama dalam 'sejarah hidupnya sebagai pe-

niaga yang terpaksa menupit perniagaan dalam tempoh agak lama sepanjang PKPB.

Katanya, walaupun sektor ekonomi masih dibenarkan

untuk beroperasi sepanjang tempoh PKPB lalu, beliau datang beberapa peniaga lain mengambil keputusan untuk menutup perniagaan bagi mengelakkkan menang-

gung risiko kerugian selain tiada pengunjung seperti sebelumnya.

"Malah, sepanjang tempoh PKPB itu juga saya terpaksa merentahkan sendiri

tara dua pekerja memandangkan tidak mampu membayar gaji mereka sekitar RM50 sehari kerana tiada jualan sepanjang tempoh itu yang kebiasaannya saya mampu meriah sehingga melebihi RM500 sehari.

"Bagaimanapun, saya bersyukur sejak kerajaan mula membenarkan orang ramai rentas negeri dan daerah, ramai pengunjung mula datang ke pekan ini sejak semalam (kelmarin) sekali gus dapat menjana semula pendapatan peniaga yang terjejas teruk sebelum ini," katanya yang kembali berniaga kelmarin.

Kegembiraan itu turut dikongsikan peniaga pakaian, Nor Suhaini Mohammad, 28, yang menyifatkan kebenaran rentas negeri dan daerah yang dilumumkan kerajaan sebagai khabar gembira buat peniaga.

Sejak semalam (kelmarin) pekan Rantau Panjang ini mula meriah dengan pengunjung termasuk dari Kelantan laju dari Perak, Kedah dan sebagainya...bagaimanapun kami (peniaga) tetap mematuhi SOP, malah saya turut menghadiahkan hadiah lumayan pelanggan cibanku masuk ke dalam kedai pada satu-satu masa selain wajib memakai pelitup muka katanya.

Sementara itu, seorang pengunjung, Nor Abidah Yusof, 30, dari Kota Bharu berkata, beliau mengambil peluang berkunjung ke pekan itu bagi membantu merancakkan lagi ekonomi peniaga yang terkesan.

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	✓	THE STAR	NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL	
						19	14/12/2020

ISNIN 14.12.2020

**Kosmo!**

Menyelami Hidup Anda

# K2

## Ternakan kelah Kampung Lepan Jaya

KAMPUNG Lepan Jaya di Gua Musang, Kelantan boleh dianggap sebagai hubuk ternakan ikan kelah apabila di kampung tersebut terdapat pengusaha kelah paling herjaya di jajahan itu serta seorang pengusaha lain yang mencipta kelainan menternak kelah di dalam gua.

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !	✓	THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF	NEGATIF	NEUTRAL		20	14/12/2020

20

k<sup>2</sup>

Kosmo! ISN 14 DISEMBER 2020



Rencana Utama

Oleh  
AIMUNI  
TUAN LAH

**I**KAN kelah yang terkenal dengan jolokan Ikan Sungai mempunyai nilai komersial tinggi apabila harganya boleh mencapai ribuan ringgit seekor.

Usaha perternakan ikan kelah memerlukan peralatan dan pengurusan memberi komitmen tinggi dan perjagaan rapi.

Salah satu kawasan yang boleh dianggap sinonim dengan ternakan kelah ialah Kampung Lepan Jaya di Gua Musang, Kelantan sehingga tidak salah andai dikatakan populariti kampung itu melonjak kerana kejayaan ternakan kelah.

Kampung Lepan Jaya merupakan sebuah kampung agak kecil yang mempunyai banyak gua.

Seorang perternak di situ misalkan membuat kelainan apabila membela ikan kelah di dalam gua batu kapur di kampung itu sehingga membuktikan kejayaan.

Idea untuk berkenaan kini menjadi sumber pendapatan kepada penyumbang apabila kawasan itu menjadi tarikan orang ramai untuk melihat spesies ikan kelah yang berada di kawasan gua.

Bermula dengan hobi, Mohd. Saiful Basri Mat Yaacob, 44, yang tinggal di kampung itu telah memelihara ikan kelah sejak 10 tahun lalu.

Proses mengindahkan kawasan gua batu kapur yang diberi nama Gua Kambing itu membabitkan kos hampir RM100,000.

Mohd. Saiful Basri berjaya menernak 5,000 ekor ikan kelah di dalam dan luar gua yang berada lingkungan kawasan tanah miliknya seluas 0.8 hektar.

Menurut Mohd. Saiful Basri, osana membina tempat pembibitan ikan kelah itu adalah sesuatu perkara yang mencabar.

Katanya, selain minat menernak ikan, usaha itu dilakukan bagi mengejek populasi ikan kelah pupus.

"Bagi menambahkan lagi bilangan ikan kelah, saya turut membeli anak ikan berkenaan daripada Orang Asli yang tinggal di kawasan pedalaman daerah atau jajahan ini."

"Saya turut menernak 4,000 ikan jenis lain termasuk tilapia dan patin kerana permintaan tinggi daripada pembeli tempatan serta luar daerah ini."

"Saya gembira apabila ikan kelah yang ditempatkan di dalam gua batu kapur mencapai berat antara lima hingga sembilan kilogram (kg) seekor," katanya.

Mohd. Saiful Basri berkata, walaupun ada permintaan harga yang tinggi terhadap ikan kelahnya tetapi dia tidak sanggup menjual kesemuanya kerana ingin menjadikannya sebagai tarikan atraksi pelancongan di kawasannya.

Katanya, kebanyakkan pengunjung berminat membeli ikan kelah berseri besar kerana mereka suka melihatnya sejak kebelakangan ini termasuklah di kawasan sungai.

Sementara itu, seorang lagi pemotong di kampung tersebut, Mat Nawi Husin, 61, atau mesra dengan panggilan Pok



MOHD. SAIFUL BASRI (kiri) bersama pelajaranya menunjukkan ikan kelah yang ditemaknya di gua Kambing, Kampung Lepan Jaya.

## Kejayaan ternakan kelah di kampung banyak gua



POK WI (kanan) mengusahakan kolam ternakan ikan kelah dengan dibantu oleh anak-anaknya di Kampung Lepan Jaya, Gua Musang, Kelantan.

Wi boleh dianggap sebagai pemotong ikan terbesar di Gua Musang dan begitu dikenali sebagai pemotong kelah paling terkenal di daerah ini.

Pok Wi selalu meninggalkan kerjanya sebagai pak-tang di kawasan untuk mengusahakan ternakan ikan.

Mengusahakan ternakan ikan sejak 30 tahun lalu, kini Pok Wi mempunyai ternakan harup 100,000 ekor smesies dan air tawar di lapan buah kolam.

Jumlah ikan terdiri daripada 6,500 ekor ikan kelah, tilapia (45,000 ekor), patin (40,000 ekor), lampau (3,000 ekor)

dan tongsang (2,000 ekor).

Dengan bermodalkan RM5,000, Pok Wi menterak 100 ekor ikan dengan mendapatkan bimbang dari Jabatan Perikanan Negeri Kelantan.

Menurut Pok Wi, ikan kelah mencapai tahap matang selepas empat tahun dan harganya mampu mencapai ribuan ringgit seekor.

### Kemahiran diwarisi anak

Katanya, hasil menghasilkan kelah yang berkualiti, dari itu akan dilepaskan selama tiga bulan di kawasan kolam pembentahan ikan sebelum dipindahkan ke kolam utama.

Sebaloi usia lapan tahun, anak-anak Pok Wi telan diajar cara-cara memukul, memungah serta menjaga ikan dengan dibantu isterinya, Siti Zaharah Daud.

"Saya juga arapella anak-anak banyak membantu proses mengambil ikan di dalam kolam sehingga kepada pembungkusan dan penghantaran ikan kepada pelanggan."

"Bagi meningkatkan jualan, saya turut mempromosikannya menerusi laman sosial, Facebook milik anak-anak."

"Selain itu, ramai pelancong yang berlari-jalur ke rumah untuk membeli dan membeli ikan," katanya.

Pok Wi telah merancang untuk mengalihnilaiannya dalam pertemakan ikan air tawar kepada anaknya torahim Mat Nawi, 25, yang sanggup berhenti

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !	✓	THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF	NEGATIF	NEUTRAL		DL	14/12/2020

Kosmo! ISNIN 14 DESEMBER 2020

k<sup>2</sup> | 21**INFO****Kampung Lepan Jaya**

- Terletak dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Galas di Gua Musang
- Kira-kira 15 minit perjalanan dari Bandar Gua Musang
- Terletak di tepi jalan Gua Musang-Kuala Uris berhampiran dengan Merapoh

kerja sebagai pegawai di sebuah bank di Kuala Lumpur sejak dua tahun lalu.

Ibrahim berkata, minatnya terhadap penternakan ikan air tawar semakin membuatku buak apabila berjaya melakukan pembenihan dan penetasan anak ikan kelah.

"Saya berjaya melakukan penetasan ikan kelah dan menerima puluhan pelbagai pihak terutamanya Jabatan Perikanan.

"Saya mendapat kemahiran melakukan pembenihan dan penetasan anak ikan kelah itu selepas mengikuti kursus sebanyak tiga kali di Pusat Latihan Jabatan Perikanan di Selangor, Negeri Sembilan dan Kelantan.

"Apabila pulang ke kampung, saya cuba mempraktikkan penubeajaran itu dan akhirnya berjaya melakukan pembenihan serta penetasan anak ikan kelah sendiri," katanya.

Ibrahim yang memiliki ijazah Perbankan dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) menukar hobi kepada ternakan ikan kelah kerana yakin masa depannya lebih terjamin.

Katanya, dia hanya bekerja sebagai pegawai bank dalam tempoh serahun setengah sebelum membuat keputusan berhenti walaupun mendapat teurungan hebat daripada rakan-rakan.

"Kosara hidup tinggi di Kuala Lumpur dan gati setiar buian hanya cukup-cukup makan menyebabkan bapa saya memberi nasihat supaya berhenti kerja dan pulang ke kampung



POK WII dikelilingi ikan-ikan kelah yang terdapat di dalam salah satu daripada lapan kolam besar yang diusahakannya.



SEBANYAK 5,000 ekor ikan kelah selain ikan-ikan lain ditemak di dalam dan kaki gua batu kapur yang terletak di Kampung Lepan Jaya, Gua Musang.

bagi mewarisi perniagaan ternakan ikan kelah yang diusahakan.

"Saya bersyukur kerana mampu menjana pendapatan lebih besar kerana hasil jualan ikan kelah kini ialah RM200 sekilogram," katanya yang merupakan anak ketiga dari tujuh beradik.

Tambal Ibrahim, dia tidak mempunyai masalah mengambil alih tugas ternakan itu kerana sejak darjah satu lagi dia bersama adik-beradiknya yang lain sudah didekahkan dengan dunia ternakan ikan.

"Boleh dikatakan setiap hari saya ikut bapa ke kolam ikan untuk membersih kolam, memberi makanan dan menangkap ikan untuk dijual."

"Saya juga yakin ikan kelah di kolam akan bertambah selepas ini kerana saya sudah mempunyai lebih banyak kelengkapan bagi proses pembenihan dan penetasan anak ikan kelah," ujarnya.

## Berpotensi untuk dikomersialkan seperti santuari



PENGUNJUNG tertarik dengan keterangan yang ditawarkan di Gua Kambing sambil melihat ikan kelah.

KEWUJUDAN tempat penternakan ikan kelah di Kampung Lepan Jaya astarannya di kawasan gua mampu menambah senarai destinasi pelancongan di Gua Musang yang mampu menarik tumpuan pengunjung tempatan dan luar.

Ikan kelah di gua batu kapur antara lokasi cukup menarikkan kerana dikelilingi alam semula jadi yang masih kekal terpelihara.

Seorang penduduk, Hasnah Datuman, 48, berkata, sebelum ini dia terpaksa pergi ke santuari kelah atau Taman Negara untuk melihat ikan kelah.

Katanya, kini dia tidak lagi perlu pergi jauh dan berbelanja besar untuk melihat ikan kelah.

"Ketika ini agak sukar untuk melihat ikan kelah yang agak besar dan berat seperti di Kampung Lepan Jaya."

"Pemilik kolam ini juga tidak mengenakan bayaran untuk orang ramai melihat tenakar ikan kelah di kolam miliknya," katanya.

Seorang lagi pengunjung, Amran Matam, 47, berkata dia belum pernah melihat penternakan ikan kelah dalam gua yang diusahakan seperti penduduk



HASNAH

kampung tersebut.

Katanya, kawasan kampung itu berpotensi untuk dikomersialkan sebagai santuari di Tasik Kenyir.

"Kita berharap kawasan ini dapat diperkenalkan dengan lebih meluas oleh agensi kerajaan sebagai tarikan baharu di Gua Musang. Selain dapat melihat ikan kelah, kita juga boleh membilang untuk dibawa pulang," ujarnya.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !	THE STAR	NANYANG SIANG PAU					
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	✓ THE SUN	ORIENTAL DAILY					
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI					
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		14 14/12/2020

S4 M/S 14 14/12/2020

## Petani, penternak dan nelayan terjejas banjir akan diberi insentif

**JOHOR BAHRU** - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan sedang mengenal pasti jumlah petani, penternak dan nelayan seluruh negara yang terjejas akibat banjir termasuk kerugian yang hadapi mereka.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, insentif akan diberikan selepas proses pengukuran dan siasatan dilakukan sejurus musim tengkujuh tamat.

"Petani, penternak serta nelayan digesa untuk membuat laporan kepada pihak berwajib sekiranya terdapat kerrosakan berlaku. Antara yang terjejas Johor, Melaka serta negeri di pantai timur.

"Pegawai kita akan datang mengukur, siasat dan membuat bantuan setakat mana kerrosakan. Bantuan pula diberikan bukan sahaja daripada segi kewangan tetapi juga barang mengikut nilai kerugian ma-



Ahmad (tiga dari kiri) meninjau barang keperluan dan bahan basah di PST Permas Jaya, Bandar Baru Permas, Johor Bahru pada Ahad.

sing-masing.

"Ini kerana jumlah kerrosakan tidak sama iaitu mengikut keluasan kawasan pertanian atau penternakan. Kita akan perincikan bantuan itu," katanya dalam sidang akhbar selepas melawat Pasar Segar Terkawal (PST) Permas Jaya, Bandar Permas Jaya pada Ahad.

Ahmad berkata, insentif perlu diberikan me-

mandangkan mereka merupakan penyumbang utama dalam pembangunan bekalan makanan negara.

"Satu pendekatan kita, kita mahu beri insentif dan bantuan kepada mereka dalam apa jua keadaan sekali pun. Cuma kita harap musim tengkujuh ini segera berakhir kerana ketiga-tiga ini merupakan sektor utama dalam aktiviti kementerian ini," katanya.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	✓	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		ONLINE 14/12/2020

Pengusaha ternakan diarah tukar fungsi kolam  
ASYRAF MUHAMMAD | 11 Disember 2020



Jabatan Perikanan telah mengarahkan pengusaha premis ternakan akuakultur yang menyebabkan pencemaran di sumber air sebelum ini agar menukar fungsi sebahagian kolam mereka.

SHAH ALAM - Pengusaha premis ternakan akuakultur yang menyebabkan pencemaran di sumber air sebelum ini telah diarahkan menukar fungsi sebahagian kolam ternakan mereka kepada kolam rawatan.

Unit Komunikasi Korporat Jabatan Perikanan Malaysia menerusi satu kenyataan memaklumkan, pihaknya berasa kesal dengan insiden itu yang telah menyebabkan penutupan empat Loji Rawatan Air (LRA) di negeri ini.

Menurutnya, Jabatan Perikanan menerusi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sentiasa memberi khidmat nasihat kepada pengusaha dan penternak akuakultur agar mematuhi

garis panduan ditetapkan.

"Garis Panduan Amalan Akuakultur Baik dan Skim Pensijilan myGAP telah diperkenalkan bagi tujuan memastikan industri ini terus mampan, berdaya saing, menghasilkan makanan berkualiti serta menjaga kepentingan alam sekitar," katanya dalam kenyataan tersebut.

Sementara itu, Jabatan Perikanan memaklumkan bahawa pihaknya juga telah memperkenalkan Kaedah-Kaedah Perikanan (Akuakultur Perikanan Darat) (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan) 2017 yang memerlukan pengusaha akuakultur dilesenkan dan mengamalkan Amalan Akuakultur Baik.

Katanya, tindakan boleh diambil kepada pemilik premis akuakultur tidak berlesen dan melanggar syarat ditetapkan.

"Jabatan sedang giat berusaha agar Kaedah-Kaedah Perikanan (Akuakultur Perikanan Darat) ini diterima pakai di setiap negeri supaya proses kawalan dapat dilaksanakan," katanya.

Pada 7 Disember lalu, LRA Rantau Panjang dan LRA Sungai Selangor Fasa (SSP) 1, 2 dan 3 di sini dihenti tugas secara berperingkat berikutan pencemaran bau seakan bangkai.

Exco Pelancongan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau serta Hal Ehwal Orang Asli Selangor, Hee Loy Sian berkata, sebuah daripada 57 kolam ternakan milik pengusaha premis itu berkeluasan 40 hektar didapati melepaskan air tercemar kira-kira 100 meter daripada Sungai Selangor.

Artikel Penuh : <https://www.sinarharian.com.my/article/114394/EDISI/Pengusaha-ternakan-diarah-tukar-fungsi-kolam>

© 2018 Hakcipta Terpelihara Kumpulan Karangkraf

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !	THE STAR	NANYANG SIANG PAU					
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY					
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI THE BORNEO POST	✓				
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		ONLINE	14/12/2020

## AG Report: Tanjung Bako Fisheries Port unsuccessful in achieving targeted 29,661 tonnes of fish catches

BY SAMUEL AUBREY ON DECEMBER 11, 2020 AT 4:35 PM NEWS SARAWAK



*AFP file photo for illustration purposes.*

KUCHING (Dec 11): The Tanjung Bako Fisheries Port has not achieved its targeted tonnage of fish catches landed since the RM247.84 million project was completed on July 22, 2017, said the Auditor General's Report (LKAN) 2019 Series 1.

The report said that although the port under Fisheries Development Authority of Malaysia (LKIM) was completed on schedule, it had not succeeded in its target of becoming the hub for 224 local boats and annual landed fish catches of 29,661 metric tonnes.

It also said the Tanjong Bako Fisheries Port was built to replace the old LKIM's fisheries port at Bintawa which was built in 1973.

"Among the main weaknesses in project management are absence of financial parameters for the availability of Availability Charges (AC), Maintenance Charges (MC) and Maintenance Reserve Fund (MRF); weaknesses in the construction aspect; the development of unreliable system; weaknesses in management of payment; and weaknesses in revenue collection," said the report released on Dec 10.

It also said there was no projections provided to justify Tanjong Bako Fisheries Port being built with 1,340 percent bigger fishing landing capacity compared to the old complex in Bintawa.

As such, this has caused the Tanjong Bako Fisheries Port not being used optimally whereby the fish catches landed in 2019 was only 2,584.5 metric tonnes which is just 3.6 percent compared to its capacity of 72,000 metric tonnes per year.

"The fish catch and fishing vessel landings for 2017 to 2019 was only between 1.8 percent to 47.1 percent from the targeted numbers. Among the factors for the outcome failure was the absence of ice factory, the longer journey from this fisheries port to Kuching City, absence of proper placement for fishermen and absence of enforcement activities," it said.

The report mentioned that the state's Ministry of Infrastructure and Port Development had indicated in August 2019 that a study was carried to build the Second Kuching-Samarahan Trunk Road which would shorten the journey taken from this port to Kuching city.

It added that at present, the journey would take about 33 minutes compared to 12 minutes taken from the LKIM fisheries complex in Bintawa.

On the construction of an ice factory for the port, it said LKIM had informed that one such factory is being built with capacity of 30 metric tonnes.

“Construction started on Nov 27, 2019 and was supposed to be completed on May 20, 2020. As of March 17 2020, the physical progress at the site was 37.5 percent compared to the scheduled 76.5 percent,” it said.

It also explained the audit was carried out at this port to ensure the objectives of its construction is achieved and has an impact on the targeted group.

“Based on the Concession Agreement, the Government’s commitment throughout the concession period amounted to RM906.21 million. Until Dec 31 2019, the Government has spent a total of RM120.09 million for the payment of this project.

“The long concession period of 30 years covers three (3) years of construction and 27 years of Asset Management Service Period. Therefore, it is important to make sure construction and maintenance are carried out efficiently, prudently and protecting the interests of the Government,” it said.